



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 JANUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 Januari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,805 kes** (161,527 kes kumulatif, 77.0%);
- Kes baharu : **5,728 kes** (209,661 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (2 warganegara, 3 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **5,723 kes** [3,780 warganegara (66.0%); 1,943 bukan warganegara (34.0%)];
- Kes aktif : **47,388 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **319 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **120 kes**; dan
- Kes kematian : **13 kes** (746 kes kumulatif , 0.36%)

Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **3,285 kes (57.3 peratus)**. Daripada jumlah ini,

sebanyak **2,467 kes (75.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **792 kes (13.8 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **480 kes (8.4 peratus)**.

Sebanyak **132 kes (2.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (103 kes), Kluster Tembok Choh (6 kes), Kluster Tembok Taiping (6 kes), Kluster Tembok Renggam (5 kes), Kluster Matambai (3 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (3 kes), dan Kluster DTI Sepang 2 (3 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan empat (4) kes di Selangor, masing-masing dua (2) kes di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Perak serta masing-masing satu (1) kes di Johor, Sarawak, dan Melaka. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 30 Januari 2021;

- Jumlah kluster : **807 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **16 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **420 kluster** (termasuk **empat (4)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Batu Tujuh, Kluster D'Bajaru, Kluster Tapak Bina Jalan Broga, dan Kluster Mador**;
- Jumlah kluster aktif : **387 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **97 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tanjung Suria (567 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (103 kes), dan Kluster Pasai (96 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **16 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 13 kluster berkaitan tempat kerja dan tiga (3) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Suasa	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Riang	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Lombong	Johor	Tempat Kerja
4	Bintang Utama	Johor	Tempat Kerja
5	Bayu Tampoi	Johor	Tempat Kerja
6	Bukit Batu Grisek	Johor	Tempat Kerja
7	Jalan Trompet	Selangor	Tempat Kerja
8	Kampung Hala	Selangor	Tempat Kerja
9	Lingkar Maluri	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10	Desa Tun	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
11	Tanah Putih	Pahang	Tempat Kerja
12	Jalan Ketengah	Pahang	Tempat Kerja
13	Jalan Labuk	Sabah	Tempat Kerja

14	Lasah	Perak	Komuniti
15	Tersat	Terengganu	Komuniti
16	Taman Amalina	Pahang	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 Januari 2021 @ 7.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 30 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	3,285 (2)	65,474
SABAH	263	48,570
WP KUALA LUMPUR	480	24,818
JOHOR	792	20,538
NEGERI SEMBILAN	158	11,608
PULAU PINANG	101	7,779
PERAK	112	6,044
KEDAH	99	5,733
SARAWAK	191	4,315
MELAKA	42	3,422
KELANTAN	28	3,221
PAHANG	51	2,910
WP LABUAN	29 (3)	2,123
TERENGGANU	85	2,059
WP PUTRAJAYA	12	876
PERLIS	0	171
JUMLAH KESELURUHAN	5,728 (5)	209,661

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 5,728 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 30 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 3,285 kes**

- 967 kes daripada kluster-kluster, termasuk 91 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Trompet dan Kluster Kampung Hala**;
- 1,500 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 816 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 792 kes**

- 337 kes daripada kluster-kluster, termasuk 60 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Suasa, Kluster Jalan Riang, Kluster Jalan Lombong, Kluster Bintang Utama, Kluster Bukit Batu Grisek, dan Kluster Bayu Tampoi**;
- 256 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 199 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 480 kes**
 - 76 kes daripada kluster-kluster, termasuk 35 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Lingkaran Maluri** dan **Kluster Desa Tun**;
 - 180 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 224 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 263 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Labuk**;
 - 180 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 67 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 191 kes**
 - 106 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 158 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 103 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 112 kes**
 - 29 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lasah**;
 - 49 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 101 kes**
 - 15 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 58 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 99 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 41 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 85 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tersat**;

- 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 51 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tanah Putih, Kluster Jalan Ketengah, dan Kluster Taman Amalina**;
 - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 42 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 29 kes**
 - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 28 kes**
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 12 kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 13 kes kematian pada 30 Januari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
734	121104	Sabah	Perempuan (WN)	63	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit ulser peptik
735	135654	Perak	Perempuan (WN)	73	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Dislipidemia dan <i>polycythaemia</i>
736	140408	Johor	Perempuan (WN)	60	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
737	180818	Selangor	Lelaki (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Tanjung Karang, Kuala Selangor	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
738	199155	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan <i>Benign Prostatic Hyperplasia</i>
739	201328	Selangor	Perempuan (WN)	62	Hospital Sungai Buloh	Kanser payu dara

740	201333	Selangor	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
741	203226	Perak	Lelaki (WN)	71	Hospital Seri Manjung	Penyakit Parkinson dan aortic aneurysm
742	203396	Sarawak	Perempuan (WN)	41	Hospital Kapit	Penyakit darah tinggi, obesiti, dan asma
743	203608	Melaka	Perempuan (WN)	64	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
744	203775	WP Labuan	Lelaki (WN)	45	Hospital Labuan	Penyakit kencing manis, dislipidemia, dan anemia
745	203776	WP Labuan	Perempuan (WN)	43	Hospital Labuan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan obesiti
746	195963	Sabah	Perempuan (BWN)	75	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 16 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN TROMPET

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang terletak di Jalan Trompet, Taman Alam Indah, Shah Alam. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 131 individu telah disaring, di mana **74 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KAMPUNG HALA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sabak Bernam di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-200416) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 26 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti institusi awam bagi kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Hala Cara Baru, Sungai Besar, Sabak Bernam. Sehingga 30 Januari

2021, sejumlah 77 individu telah disaring, di mana **27 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN SUASA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Suasa, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 214 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN RIANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Riang, Taman Perindustrian Gembira, Johor Bahru. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 270 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER BINTANG UTAMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-174631) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 22 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 28 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Lapangan Terbang, Taman Bintang Utama, Senai. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 141 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN LOMBONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-171299) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 10 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja di mana kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kawasan Perindustrian Kota Tinggi, Batu 2, Jalan Lombong, Kota Tinggi. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 63 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER BUKIT BATU GRISEK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tangkak di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Grisek. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 130 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER BAYU TAMPOI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-106443) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 13 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja di mana kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Bayu, Kawasan Perindustrian Tampoi, Johor Bahru. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 171 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER LINGKARAN MALURI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang terletak di Lingkaran SV, Maluri, Cheras. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 94 individu telah disaring, di mana **33 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER DESA TUN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Desa Tun Razak, Cheras. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 211 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER JALAN LABUK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sandakan di Sabah. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan kemasukan ke asrama sebuah sekolah yang terletak di Kilometer 18, Jalan

Labuk, Sandakan. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 176 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER LASAH

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Kangsar di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-175193) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 22 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti majlis perkahwinan yang dihadiri oleh kes-kes dalam kluster ini iaitu di Felda Lasah, Sungai Siput, Kuala Kangsar. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 71 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER TERSAT

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, dan Marang di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini iaitu (kes ke-165341) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Januari 2021 hasil saringan saringan individu yang merentas negeri dari Selangor. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Melati, Felda Tersat, Hulu Terengganu. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah

391 individu telah disaring, di mana **35 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER TANAH PUTIH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-180265) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes-kes yang terletak di Jalan Tanah Putih, Kuantan. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 221 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER JALAN KETENGAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuantan, Temerloh, Jerantut dan Maran di Pahang; daerah Seremban di Negeri Sembilan serta daerah Tanah Merah di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-154229) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 13 lagi individu dikesan positif COVID-19. Sehingga 30 Januari 2021, **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

16. KLUSTER TAMAN AMALINA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Raub di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-186735) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat tinggal kes indeks iaitu di Taman Amalina, Jalan Lipis, Raub. Sehingga 30 Januari 2021, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.